



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAMBAHAN KEPADA
WARTA KERAJAAN

BAHAGIAN II

Disiarkan dengan Kebenaran

SUPPLEMENT TO
GOVERNMENT GAZETTE

PART II

Published by Authority

Bahagian/Part II]

HARI SABTU/SATURDAY 9th. APRIL, 2011

[Bil./No. 11

Bil. S 23

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH PERANTARAAN (PINDAAN), 2011

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 14 dari Penggal 162.
 3. Pindaan bab 15.
 4. Pindaan bab 18.
 5. Pindaan bab 19.
 6. Pindaan bab 20.
 7. Pemasukan bab 24A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH PERANTARAAN (PINDAAN), 2011

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Mahkamah Perantaraan (Pindaan), 2011.

Pindaan bab 14 dari Penggal 162.

2. Bab 14 dari Akta Mahkamah Perantaraan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong "\$100,000" dari baris kelima dan menggantikannya dengan "\$300,000";

(b) dalam cerai (2), dengan memotong "\$100,000" dari baris keempat dan menggantikannya dengan "\$300,000".

Pindaan bab 15.

3. Bab 15 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (5), dengan memotong "\$100,000" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "\$300,000".

Pindaan bab 18.

4. Bab 18 dari Akta itu adalah dipinda, dalam perenggan (b), dengan memotong "\$100,000" dari baris keempat dan menggantikannya dengan "\$300,000".

Pindaan bab 19.

5. Bab 19 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong "\$100,000" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "\$300,000";

(b) dalam cerai (3), dengan memotong "\$100,000" dari baris ketiga dan menggantikannya dengan "\$300,000".

Pindaan bab 20.

6. Bab 20 dari Akta itu adalah dipinda, dalam perenggan (b) cerai (2), dengan memotong "\$100,000" dari baris akhir ketiga dan menggantikannya dengan "\$300,000".

Pemasukan bab 24A baru.

7. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 24 —

"Pemindahan prosiding dari Mahkamah Tinggi.

24A. (1) Jika dengan suatu perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat di bawah bab 16A dari Akta Mahkamah Besar (Penggal 5), sebarang prosiding hendak dipindahkan ke Mahkamah Perantaraan atau suatu isu diarahkan untuk dibicarakan di Mahkamah Perantaraan, pendaftar Mahkamah Perantaraan, apabila menerima dokumen-dokumen yang berkaitan, hendaklah sama ada —

(a) merujukkannya kepada Hakim Mahkamah Perantaraan bagi arahan; atau

(b) mencatatkan prosiding atau isu itu dalam rekod Mahkamah Perantaraan dan menetapkan suatu tarikh bagi —

(i) pendengaran prosiding atau isu itu; atau

(ii) jika difikirkannya patut, suatu kajian semula pra-perbicaraan,

dan memberi notis 14 hari kepada tiap-tiap pihak.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam cerai (1) boleh menghendaki pendaftar untuk menetapkan suatu tarikh dalam suatu tindakan yang dipindahkan itu melainkan jika —

(a) sebelum ia dipindahkan ke Mahkamah Perantaraan, tindakan itu telah ditetapkan untuk didengar di Mahkamah Tinggi; atau

(b) permintaan bagi suatu tarikh yang akan ditetapkan adalah dibuat menurut arahan di bawah Perintah 25 Aturan-Aturan Mahkamah yang dibuat di bawah bab 12 dari Akta Mahkamah Besar (Penggal 5),

dan jika prosiding dipindahkan dari Mahkamah Tinggi, pliding tersebut hendaklah, bagi maksud-maksud Perintah 25, dianggap sebagai ditutup pada tamatnya 14 hari dari tarikh pemindahan.

(3) Pihak yang menyerahkan atau menyebabkan untuk diserahkan kepada pendaftar dokumen-dokumen yang berkaitan bagi maksud-maksud cerai (1) hendaklah, pada masa yang sama, memfailkan —

(a) suatu pernyataan mengenai nama dan alamat pihak-pihak itu dan peguamcara-peguamcara mereka;

(b) jika dia adalah plaintif dan belum mengendors suatu pernyataan tuntutan dalam writ itu atau menyampaikan suatu pernyataan tuntutan di Mahkamah Tinggi, butir-butir tuntutannya berserta dengan satu salinannya bagi setiap defendan;

(c) jika dia adalah defendan dan hanya suatu tuntutan balas dipindahkan dan tuntutan balas itu belum disampaikan di Mahkamah Tinggi, butir-butir tuntutan balas itu berserta dengan satu salinannya bagi plaintif;

(d) jika wang telah dibayar ke dalam Mahkamah Tinggi, satu salinan notis pembayaran ke dalam mahkamah; dan

(e) satu salinan sebarang pliding lain yang disampaikan tetapi tidak difailkan di Mahkamah Tinggi.

(4) Jika —

(a) suatu pernyataan tuntutan telah diendors dalam writ itu atau disampaikan di Mahkamah Tinggi tetapi tiada pembelaan disampaikan di dalamnya; atau

(b) butir-butir tuntutan telah difailkan di Mahkamah Perantaraan menurut cerai 3(b),

maka defendan hendaklah, dalam masa 14 hari selepas menerima notis yang diberikan di bawah cerai (1)(b), menyerahkan di pejabat pendaftaran mahkamah suatu pembelaan dan, jika dia mempunyai suatu tuntutan balas, butir-butir tuntutan balas itu berserta dengan satu salinannya bagi plaintif.

(5) Jika hanya suatu tuntutan balas dipindahkan, cerai (4) hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada tuntutan balas itu sebagaimana ia dikenakan kepada suatu tuntutan.

(6) Setelah menerima apa-apa dokumen yang difailkan oleh plaintif menurut cerai (3)(b) atau oleh defendan menurut cerai (3)(c) atau (4),

pendaftar hendaklah menghantar satu salinannya kepada setiap defendan atau, mengikut mana yang berkenaan, kepada plaintif.

(7) Jika prosiding dipindahkan ke Mahkamah Perantaraan menurut suatu perintah Mahkamah Tinggi yang disebut dalam cerai (1), Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai bidang kuasa —

(a) untuk mendengar dan memutuskan prosiding tersebut; dan

(b) untuk mengaward sebarang relief, termasuk sebarang amaun ganti rugi, dalam takat bidang kuasa Mahkamah Perantaraan.

(8) Dalam bab ini, "dokumen-dokumen yang berkaitan" bermakna —

(a) perintah Mahkamah Tinggi yang disebut dalam cerai (1) atau satu salinannya;

(b) apa-apa dokumen yang dikehendaki dengan perintah Mahkamah Tinggi untuk difailkan di Mahkamah Perantaraan;

(c) writ atau satu salinannya; dan

(d) semua pliding dan affidavit yang difailkan di Mahkamah Tinggi."

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 9 haribulan April, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM